

Saringan peserta tabligh dari Labuan belum ada positif COVID-19

Oleh Henry Bating

LABUAN: Sembilan dari 15 peserta dari Labuan yang menyertai perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling Kuala Lumpur baru-baru ini telah menjalani saringan di Hospital Nukleus di sini.

Sumber dari Hospital Nukleus di sini menyatakan saringan yang dijalankan ke atas sembilan peserta berkenaan mendapati tiada yang positif dijangkiti COVID-19.

"Kita masih mengesan peserta lain yang belum menjalani saringan," katanya.

Sementara itu Ketua Cawangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Labuan Gilbert A Jokual mengesahkan


pejabat berkenaan ditutup semalam (Khamis) untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Menurut Gilbert pembersihan dilakukan berdasarkan pengarah dan prosedur dalaman pihak pengurusan KWSP.

"Kerja-kerja pembersihan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik," katanya.

Gilbert menjelaskan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan sebagai langkah pencegahan awal memandangkan kaunter KWSP dikunjungi orang awam dari pelbagai lapangan.

Beliau memaklumkan Pejabat KWSP Labuan kembali beroperasi seperti biasa hari ini (Jumaat).



TUTUP: Pembersihan cawangan KWSP Labuan.